

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Falsafah Pendidikan Negara menyatakan bahawa "Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencari kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara". Falsafah yang begitu lengkap dan indah ini tidaklah sebegini mudah untuk dilaksanakan. Untuk melahirkan seorang insan yang

seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani merupakan suatu tugas yang tidak boleh dipikul oleh seorang insan itu sahaja. Semua pihak seperti ibu bapa, guru, sekolah, rakan sebaya, masyarakat dan negara harus bersatu dan berusaha dengan kaedah yang betul dan bersungguh-sungguh. Malah hasrat negara untuk melahirkan generasi yang cemerlang seperti mana ikrar falsafahnya tidak akan tercapai sepenuhnya sekiranya ramai para remaja yang menempuh hidup dengan berbagai persoalan yang tidak berupaya untuk diselesaikan.

Pelajar atau para remaja perlu dibantu untuk mengenali serta memperkembangkan potensi diri, meningkatkan minat dan memberi pengukuhan kepada personaliti dan nilai diri yang sesuai dengan zaman mereka. Remaja merupakan golongan pelapis masyarakat yang amat penting. Satu persoalan yang timbul ialah bagaimana untuk memberi pertolongan yang berkesan kepada masyarakat remaja yang menghadapai berbagai masalah, sama ada masalah luaran atau dalaman yang berkaitan dengan psikologi. Pelajar yang menghadapai banyak masalah sering kali dikaitkan dengan konsep kendiri yang rendah. Pelajar yang mempunyai konsep kendiri yang rendah menganggap dirinya tidak berkebolehan dan sering mempunyai matlamat yang rendah yang tidak sejajar dengan kebolehan atau potensi sebenar yang ia ada (Suradi Salim, 1987). Jadi untuk merealisasikan falsafah pendidikan negara, pendekatan membantu yang lebih profesional amat diperlukan. Penyelidik merasakan pendekatan kaunseling adalah salah satu cara untuk menyelesaikan beberapa persoalan ini. Schmidt (1993) menyatakan bahawa kaunseling yang profesional adalah proses membina satu perhubungan untuk mengenalpasti

keperluan-keperluan manusia, membentuk strategi dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan tersebut dan secara aktif membantu melaksanakan pelan bertindak yang memudahkan mereka membuat keputusan, menyelesaikan masalah, meningkatkan kesedaran kendiri dan menjalani hidup yang lebih bermakna.

Di Malaysia, lebih dari 20 peratus penduduknya ialah golongan remaja. Namun demikian masyarakat umum biasanya mengaitkan remaja dengan pelbagai kerentahan dan masalah. Fenomena ini merupakan keadaan biasa dalam perkembangan remaja dan inilah masanya untuk mereka mencari identiti dan belajar berdikari (Lefrancois, 1993).

Terdapat dua pendapat yang berbeza tentang remaja hari ini. Pendapat yang pertama memuji remaja sebagai manusia yang istimewa, bijak, baik, dan bertanggungjawab; mereka lebih berani, lebih terbuka, lebih peka terhadap keadaan sekeliling dan keadaan dunia sejagat; mereka juga lebih seimbang dari segi rohani dan jasmani. Ini dapat dibuktikan dengan jumlah remaja yang berjaya dalam pelajaran sehingga sebahagian besar daripada mereka dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Ibrahim Mamat, 1977). Di Malaysia, peratusan pelajar yang terbabit dengan kegiatan jenayah amat kecil berbanding jumlah keseluruhan 4.5 juta pelajar yang menuntut dalam lebih kurang 8,500 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Walaupun peratusan ini kecil tidak bermakna fenomena ini sebagai tidak serius.

Satu pendapat lain pula melihat remaja sebagai orang yang tidak boleh dipercayai, mereka suka memberontak, tidak sedar diri, tidak bersyukur, biadab, tidak bertanggungjawab, malas dan jahat. Pandangan ini timbul akibat daripada kejadian yang tidak sihat yang berlaku dengan berleluasa dalam masyarakat seperti penyalahgunaan dadah, Aids, zina, lepak, membuang bayi haram dan sebagainya (Ibrahim Mamat, 1997). Fenomena ini bukan sahaja menjadi kerunsingan bagi masyarakat di Malaysia, malah juga bagi masyarakat barat. Laporan Berita Harian (9 November 1998) menyatakan kebimbangan guru-guru di Britain terhadap para remaja mereka yang memuja kumpulan penyanyi terkenal 'Spice Girls'. Remaja ini amat terpengaruh dengan cara hidup kumpulan ini sehingga didakwa wujudnya generasi 'bayi spice girls' kesan daripada pengakuan dua anggota kumpulan tersebut yang dengan berani mengaku telah mengandung anak luar nikah.

Dalam kehidupan seharian, manusia berinteraksi antara satu sama lain bukan sahaja dalam segala aktiviti yang berbentuk kognitif, malah penguasaan pengetahuan yang mendalam dan juga aspek emosi harus di ambil kira dalam menentukan apa yang akan mereka lakukan. Semasa manusia berhubung, mereka bertindak balas dengan berbagai perasaan seperti takut, marah, benci, kasih sayang, empati dan lain-lain. Maka berbagai emosi ini akan memainkan peranan yang penting dalam membentuk tingkah laku mereka.

Sekiranya terdapat pelajar yang sering terganggu emosinya atau sering dalam keadaan kebimbangan, maka masalah emosi dan kesihatan mental akan menjadi serius dan boleh mengganggu kesejahteraan hidup mereka. Keadaan

ini sekali gus akan menggagalkan impian Falsafah Pendidikan Negara yang murni itu.

Kebimbangan juga merupakan elemen yang mendorong kepada gangguan emosi seseorang. Menurut Conger (1973) kebimbangan adalah satu penentuan yang amat penting di dalam mengkaji tingkah laku manusia. Kebimbangan seseorang itu dapat menimbulkan gerakbalas dalaman seseorang, iaitu emosi, pemikiran dan tindakan psikologinya dan juga tingkah laku yang berkonflik dengan kepuasan diri.

Dustin (1969) mengaitkan kebimbangan dengan gangguan emosi takut. Takut adalah akibat dari sesuatu bahaya. Apabila bahaya bertambah, maka emosi takut juga bertambah. Takut memang semula jadi pada manusia, tetapi takut yang berlebihan akan menimbulkan situasi dan tindakan yang berbahaya.

Kesimpulannya, dalam perkembangan psikologi remaja ianya menunjukkan bahawa gangguan emosi yang berterusan akan menyebabkan pelajar remaja terjerumus ke dalam tingkahlaku kenakalan yang boleh merosakkan diri mereka sendiri. Perasaan yang terkeliru dan tertekan ini mengakibatkan muncul beberapa gejala yang tidak diingini (Abdul Latiff Mohd Ali, 1984).

## **1.2 Tingkahlaku Kenakalan Remaja**

Tingkahlaku delinkuen atau kenakalan remaja merupakan suatu fenomena yang harus ditangani dengan serius. Kecenderungan remaja melakukan kenakalan semasa kecil akan mempunyai potensi yang besar untuk mereka melakukan kejahatan bila dewasa kelak. Malahan pula masyarakat menerima masalah ini sebagai masalah dunia modern. Shulman (1961) mengatakan bahawa kenakalan remaja bukanlah lagi merupakan suatu aspek perubahan budaya yang sangat besar dan juga menjadi masalah pemikiran manusia sekarang, malah ianya hanya merupakan suatu fenomena dunia moden.

Masalah kenakalan remaja adalah masalah universal dan merupakan fenomena antara etnik yang hampir dialami oleh semua negara di dunia hari ini. Walaupun demikian, masyarakat hari ini harus sedar bahawa golongan remaja merupakan golongan yang masih memerlukan pertolongan. Hanya pertolongan serta perkhidmatan yang berkesan dapat membantu menyedarkan mereka tentang realiti kehidupan dan masa hadapan mereka.

Watson (1965) telah membuat analogi berkenaan dengan sebab-sebab kenakalan kanak-kanak iaitu sama seperti berlakunya pencemaran alam yang mana unsur-unsurnya termasuklah faktor kelalaian ibu bapa, kurang peradaban, merosotnya pengaruh keagamaan, merosotnya moral orang-orang dewasa, terlalu tamakkhan harta benda, keadaan rumah tangga yang tidak teratur dan

buruk, kegagalan pendidikan, pengaruh televisyen dan wayang gambar serta beberapa faktor lain.

Oleh itu, penafsiran kenakalan remaja atau delinkuen dalam kontek kajian ini ditafsirkan agak lebih umum daripada definisi yang merujuk kepada Istilah jenayah delinkuen iaitu tingkahlaku keganasan dari segi undang-undang juvinal yang dikenakan kepada remaja berumur 18 tahun ke bawah. Istilah undang-undang ‘Juvenile Delinquent’ telah diterima pakai sebagai remaja yang melanggar undang-undang, tetapi terpaksa dilindungi dari direkod sebagai penjenayah dan juga untuk memisahkan orang-orang bawah umur dan dilayan berbeza dengan penjenayah dewasa. Justru itu dalam kontek kajian ini istilah kenakalan remaja membawa maksud segala tingkahlaku jenayah delinkuen dan juga tingkahlaku perlanggaran disiplin sekolah yang lebih umum dalam masyarakat pelajar dan sekolah.

### **1.3 Peringkat Remaja**

Peringkat remaja merupakan peringkat yang kompleks dalam perkembangan manusia. Kebanyakan ahli psikologi atau sosiologi mengkelaskan zaman remaja kepada mereka yang berumur antara 12 tahun hingga 18 tahun. Golongan ini akan mengalami zaman perubahan yang besar dalam hidup mereka. Perubahan peringkat ini tidak lagi sama seperti mana peringkat perkembangan zaman kanak-kanak. Dari sudut biologi, zaman remaja merupakan masa kematangan seorang kanak-kanak dari segi fizikal dan

seksual dimana terdapat pertumbuhan dan perubahan penting yang berlaku dalam diri mereka. Mereka mengalami pengalaman baligh yang akan memberi kesan kepada seluruh faktor fizikal, fisiologi dan psikologi. Mereka juga akan menjadi lebih matang dari sudut kognitifnya. Kematangan seks juga berlaku pada peringkat remaja. Kematangan seksual termasuklah perubahan sifat-sifat seksual dan juga sifat-sifat lain seperti raut wajah, bentuk badan, kekuatan tenaga dan lain-lain (Steinberg, 1993)

Satu perubahan fizikal yang besar semasa baligh, ialah berlakunya 'growth spurt', iaitu yang membawa maksud lonjakan kadar ketinggian dan berat badan bagi remaja. Bagi remaja lelaki 'growth spurt' ini bermula paling awal pada umur 10 tahun dan selewat-lewatnya berumur 16 tahun. Manakala bagi kanak-kanak perempuan berlaku ketika berumur 7 atau 8 tahun sehingga 14 tahun. Keadaan ini juga turut meningkatkan kekuatan fizikal terutamanya bagi remaja lelaki (Coleman, 1980)

Perubahan yang besar juga meliputi perubahan dalam konsep kendiri dan juga cara penyesuaian dalam hubungan sosial. Mengikut Newman dan Newman (1991) remaja bukan lagi kanak-kanak, tetapi pada masa yang sama mereka juga bukan dewasa. Weiten (1994) menakrifkan remaja adalah mereka yang sedang mengalami proses pemantapan fizikal, intelek, rohani, dan emosi.

Hall (1926) mendefinisikan zaman remaja sebagai suatu jangka masa yang penuh dengan konflik dan masalah. Mindess dan Munford (1980) menerangkan zaman remaja merupakan tempoh transisi daripada masa kanak-

kanak kepada dewasa disebabkan oleh perubahan psikologikal yang pesat berlaku semasa remaja baligh.

Muss (1969) melihat remaja dalam tiga pandangan iaitu sudut pandangan sosiologi, sudut pandangan psikologi dan sudut pandangan kronologi. Dari sudut pandangan sosiologi, zaman remaja merupakan zaman peralihan dari zaman kanak-kanak yang bergantung sepenuhnya kepada orang dewasa kepada zaman menuju ke alam dewasa dengan penuh berdikari. Dari sudut pandangan psikologi pula, zaman remaja adalah zaman mencari penyesuaian diri dari sifat kanak-kanak kepada sifat orang dewasa. Manakala dari sudut kronologinya pula, remaja adalah individu yang berumur antara 12 tahun hingga awal 20an.

Selain perubahan fizikal, remaja juga menuju kearah perubahan emosi. Dalam pertuturan sehari-hari, manusia menggunakan perkataan emosi bagi merujuk perasaan seperti sayang, benci dan marah yang mana iaanya wujud dalam situasi tertentu. Selalunya respon beremosi ini akan mengganggu seseorang bersesuaian dengan situasi yang tertentu. Tanggapan umum masyarakat kerap kali menganggap orang yang beremosi tidak rasional, tidak dapat mengawal diri dan juga tindakan mereka.

Dari konsep sosiologi, tafsiran emosi berbeza dengan tanggapan umum. Emosi merupakan elemen yang penting dalam tingkah laku manusia. Sebaliknya, emosi kerap kali bersama dalam membentuk tingkah laku yang rasional. Manusia bukan sahaja berusaha untuk mencapai cita-cita atau sesuatu

matlamat, tetapi mereka melakukannya bersama dengan perasaan seperti marah, geram dan juga keazaman yang mana ia boleh meningkatkan keupayaan untuk mendapatkan apa yang mereka mahu. Begitu juga bila manusia melibatkan diri dalam sesuatu peranan, maka mereka akan melakukannya sepetimana sikap diri dan juga perasaan mereka. Oleh itu mereka melihat emosi bukan hanya sebagai respon seseorang individu kepada individu yang lain atau kepada sesuatu keadaan, malah emosi dianggap sebagai asas kehidupan. Ia merupakan pengalaman-pengalaman yang bermakna dalam membentuk tingkah laku manusia yang akan memberi kesan kepada individu dan juga masyarakatnya. (Hewitt, 1979).

Akhir-akhir ini masalah remaja kerap dipaparkan oleh media tempatan dalam menerangkan tingkah laku negatif golongan remaja ini yang bertentangan dengan nilai dan norma-norma masyarakat mereka. Perkataan seperti kenakalan remaja (delinquent), jenayah juvenile, tingkah laku devians (deviant), jenayah kekerasan, jenayah harta benda, penyalah gunaan dadah, budaya lepak, melanggar disiplin sekolah dan lain-lain tingkah laku negatif kerap kali dikaitkan dengan golongan pelajar atau remaja.

#### **1.4 Pernyataan Masalah**

Remaja hari ini lebih terdedah kepada keganasan fizikal yang berlaku hampir di seluruh dunia. Laporan FBI "Uniform Crime Report" untuk tahun 1950 hingga 1980, menyatakan remaja yang dibunuh meningkat sebanyak tiga kali

ganda manakala remaja yang membunuh diri meningkat sebanyak empat kali ganda bagi remaja berumur 15 hingga 24 tahun. Kajian di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa kematian remaja yang berumur 15 hingga 24 tahun adalah 77 peratus disebabkan oleh tragedi seperti keganasan, kemalangan, membunuh diri, dan juga dibunuh. Mati dibunuh merupakan jumlah yang terbanyak.

Begitu juga perlakuan jenayah di kalangan remaja di Malaysia tidak kurang hebatnya seperti mana yang berlaku di negara-negara maju. Remaja berumur 15 hingga 18 tahun adalah paling ramai terbabit dalam kesalahan jenayah yang semakin meningkat sepanjang tiga tahun lalu. Data dari Polis Diraja Malaysia menyatakan antara tahun 1994 hingga tahun 1996 terdapat seramai 7,614 orang remaja atau 63.3 peratus yang berusia dalam lingkungan tersebut terlibat dalam kes-kes jenayah termasuk membunuh. (Berita harian 28.8.97).

Data tangkapan remaja bagi kesalahan jenayah kekerasan dan jenayah harta benda bagi tempoh 1994 hingga 1996 adalah seperti di jadual 1.1.

Jadual 1.1: Data senarai jenayah kekerasan dan harta benda

<u>Jenayah Kekerasan</u>	<u>1994</u>	<u>1995</u>	<u>1996</u>
Bunuh	11	6	22
Cuba bunuh	1	1	4
Samun	51	58	86
Rogol	66	70	95
Mencederakan orang	103	154	156
Jumlah	232	289	363
Jenayah harta benda			
Pecah rumah	430	472	501
Cri kenderaan	325	496	526
Lain-lain kecurian	605	728	669
Jumlah	1360	1606	1696
Jumlah Besar	1592	1895	2059

Sumber: Utusan Malaysia 26/8/97: m/s 5

Melihat kepada data-data di atas, ada terdapat asas yang kuat untuk mengakaji punca-punca berbagai masalah kenakalan remaja di Malaysia.

Berita Harian (23 Februari 1997) melaporkan kenyataan Perdana Menteri bahawa kes jenayah yang membabitkan pelajar seperti penyalahgunaan dadah serta samseng, kini sangat serius dan tidak boleh disembunyikan lagi. Beliau juga berkata gejala itu merebak dan bertambah buruk kerana sikap lepas tangan dan tindakan semua pihak yang menyembunyikan perkara berkenaan.

Manja Mohd. Ludin (1990) berpendapat bahawa masalah kenakalan juwana adalah masalah universal dan merupakan fenomena antaraetnik yang hampir dialami oleh semua negara di dunia.

Terdapat beberapa penemuan yang mendapati terdapat hubungan antara gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan. Vaux dan Ruggiero (1983) yang telah membuat kajian ke atas 531 orang pelajar sekolah menengah di California, mendapati bahawa tekanan emosi yang di alami oleh pelajar boleh mendorongkan pelajar melakukan jenayah seperti merosakkan harta orang lain, menyalah guna dadah dan mencuri.

Kajian yang dijalankan oleh Novy dan Donohue (1985) ke atas 55 orang pelajar yang melakukan pelbagai kesalahan seperti ponteng sekolah di Texas mendapati bahawa terdapat perhubungan antara perbuatan salah laku oleh pelajar dengan gangguan emosi yang mereka alami.

Heesacker (1997) yang telah membuat semakan terhadap sepuluh buah buku pengenalan terhadap psikologi kaunseling, di dapati hanya 0% hingga 6% daripada buku-buku tersebut yang melihat istilah "affect", "emotion", dan "feeling". Oleh itu kajian ini boleh menambah bahan rujukan yang berkaitan dengan emosi. Emosi merupakan pusat pengalaman manusia. Ia memberi pengaruh terhadap semua aspek prestasi manusia dan mempunyai cabang-cabang yang jelas untuk proses kaunseling dan psikologi sepetimana juga bidang klinikal dan psikologi perkembangan. (Heesacker 1997)

Gangguan atau ketidakstabilan emosi yang dialami oleh pelajar remaja di sekolah menengah berpunca dari masalah yang mereka hadapi. Menurut Chiam (1976) ramai pelajar sekolah menengah menghadapi pelbagai masalah. Hassan Langgulung (1977) juga mendapati masalah utama pelajar sekolah menengah ialah perhubungan individu dan masalah ini bukan sahaja dialami oleh pelajar sekolah di Malaysia, tetapi ia merupakan masalah sejagat bagi pelajar peringkat sekolah di Mesir, Fiji dan juga Kanada.

Permasalahan ini perlu ditangani secara bersama oleh semua pihak dan memerlukan kesungguhan serta komitmen yang jitu. Ianya bukan merupakan tugas kerajaan semata-mata.

Menurut Nik Aziz Nik Pa (1995) perkara yang perlu diketahui tentang diri sendiri termasuklah keadaan fizikal, emosi, sosial, personaliti, kognitif, rohani, sikap, minat dan kecerdasan. Given (1993) menjelaskan bahawa individu yang belum berjaya mengenal diri sendiri dan juga belum berjaya membentuk identiti diri yang matang mudah dilanda perasaan keliru tentang peranan yang perlu dimainkan dalam hidup.

Pelajar yang sangat takut dan bimbang akan gagal dalam pelajaran (Chiam, 1978). Bukti mereka bimbang ialah mereka mengeluarkan rasa sedih kerana tidak dapat menggunakan masa yang cukup untuk belajar, tidak tahu cara belajar yang berkesan dan takut mengeluarkan pendapat dalam kelas.

Menurut Grossbard (1962) kebanyakan remaja yang melakukan tingkah laku kenakalan menunjukkan mereka kurang mahir atau kurang perkembangan mekanisme egonya. Oleh itu mereka cenderung untuk bertindak mengikut konflik mental daripada bertindak secara rasional. Tingkah laku gejala sosial yang disebabkan oleh masalah emosi hendaklah di kaji secara serius. Tumbuhnya pusat-pusat pemuliharan akhlak di seluruh negara membuktikan bahawa peningkatannya kes-kes gejala sosial di Malaysia bertambah, dan ianya perlu dibendung.

Menurut Cox (1980) golongan remaja sering menghadapi berbagai masalah ketegangan dalam diri mereka. Manakala Hall (1904) menyatakan zaman remaja merupakan zaman peralihan antara alam kanak-kanak ke alam dewasa iaitu zaman yang penuh dengan gelora, stress dan mungkin mengalami berbagai-bagai masalah yang lain. Di samping itu remaja bermasalah selalu ketinggalan dalam bidang akademik. Mereka dikatakan hilang minat dan tidak bermotivasi untuk belajar, mereka cepat jemu dan bosan dengan sekolah lalu suka ponteng. Lantaran itu mereka sangat mudah dipengaruhi ke arah menjadi remaja nakal (Maguire, 1904).

Pelajar yang menghadapi tekanan emosi dan pelbagai jenis masalah, tidak tahu cara yang terbaik untuk menyelesaikan masalah mereka. Malah ada yang merujuk masalah mereka kepada orang yang tidak pakar dalam hal tersebut seperti rakan sebaya. Akibat daripada ini akan timbul pula masalah lain yang lebih serius, contohnya masalah kenakalan yang boleh menjadi jenayah juvenile. Hal ini mungkin terjadi kerana para pelajar ini kurang pengetahuan

tentang peranan unit bimbingan dan kaunseling yang ditubuhkan di sekolah-sekolah.

Jika seseorang guru, ibu bapa atau kaunselor dapat mengetahui punca-punca gangguan emosi anak-anak mereka, pertolongan yang lebih berkesan dapat diberikan untuk mereka menyelesaikan masalah-masalah emosi mereka.

Hasil kajian Gnagey dan William (1968) mendapati guru-guru yang mengamalkan sikap diktator atau kuku besi akan menyebabkan murid menjadi kecewa. Kekecewaan murid akan menyebabkan mereka menjadi nakal di belakang guru, walaupun di hadapan guru mereka menunjukkan sikap baik. Untuk menentang sikap guru mereka terpaksa menggunakan teknik-teknik mengelak seperti bertumbuk sesama sendiri, lari dari sekolah, ponteng, menyalah gunaan dadah dan sebagainya. Lacey (1970) mendapati perbuatan sesetengah guru yang melabelkan murid-murid seperti malas, bodoh dan sebagainya akan menyebabkan minat dan motivasi pelajar itu akan musnah dan seterusnya ia akan terasa terasing dan menolak nilai-nilai sekolah.

Kajian di Malaysia yang dibuat oleh Manja Mohd. Ludin (1988) yang melihat kerapatan dan kemesraan perhubungan kanak-kanak delinkuen dengan ahli keluarga mendapati 90% kanak-kanak tersebut tinggal bersama ibu bapa sendiri. Sebanyak 80% mengatakan mereka sangat mesra dengan adik beradik manakala 20% mengatakan kurang mesra dengan adik beradik. Becker (1964) dalam kajian-kajiannya mendapati bahawa disiplin yang dikenakan oleh ibu

bapa sendiri seperti hukuman fizikal akan menimbulkan satu kecenderungan untuk melakukan perbuatan yang agresif.

Tingkah laku delinkuen bagi remaja dan awal dewasa (termasuk bersikap agresif, menyalahguna dadah, alkoholism dan jenayah) adalah masalah yang dibawa dari zaman kanak-kanak (Cohen, 1995).

Kanak-kanak yang berpengalaman dibuli oleh rakan sebaya akan mengulangi tingkah laku ini kepada kanak-kanak lain. Mereka ini juga akan mengalami perasaan tidak percaya kepada rakan sebaya dan rasa tidak selamat dalam persekitaran sekolah. Perasaan kurang percaya dan takut terhadap rakan sekelas juga boleh menyebabkan kanak-kanak yang sering didera atau dibuli untuk melarikan diri dari berhubungan dengan rakan sebaya atau membekukan diri mereka dari segala aktiviti sosial atau aktiviti sekolah. Mereka kerap kali bersendiri dan tidak mencapai kepuasan sosial. Kesepian boleh dibezakan daripada ketidakpuasan sosial kerana ia secara berasingan menumpukan kepada kesan-kesan negatif seperti kemurungan dan kesedihan. Akhirnya akan membawa kepada ketidakstabilan emosi seperti takut, rasa tidak selamat dan sebagainya.

Ladd (1997) mendapati kanak-kanak yang mempunyai rakan dalam bentuk suka sama suka akan lebih tinggi tahap penerimaan kumpulannya, dan juga hubungan persahabatan mereka lebih baik dan mempunyai lebih ramai kawan.

Harter (1990) mendapati emosi yang muram boleh juga dikaitkan dengan faktor hubungan rakan sebaya dan pencapaian akademik. Kanak-kanak yang tidak mempunyai kawan atau yang tidak diterima oleh rakan sebaya akan menunjukkan persepsi yang kurang positif tentang harga dirinya jika dibandingkan dengan kanak-kanak yang mempunyai hubungan yang baik dengan rakan sebaya.

Sebagai kesimpulannya, sejak tahun 1900 lagi telah terdapat tulisan-tulisan yang ditulis oleh para psikitris mengenai masalah personaliti, gangguan emosi dan kes-kes kenakalan remaja, dan kebanyakannya bersandar kepada teori psikoanalisa Fruedian. Emosi dinamik yang telah dikenal pasti adalah berbagai jenis, dan punca utama masalah ini ialah hasil perkaitan dengan pelbagai pengalaman-pengalaman lalu, yang khususnya berkaitan dengan tekanan hubungan anak-anak dan ibu bapa dan juga hubungan rakan sebaya mereka (Gibbons 1970). Terdapat banyak kenyataan yang telah dibincang menunjukkan bahawa terdapat banyak faktor yang boleh menyebabkan berlakunya gangguan emosi. Begitu juga dengan kajian-kajian yang lalu menunjukkan bahawa gangguan emosi boleh menyebabkan remaja suka melakukan sesuatu yang bertentangan dengan norma-norma hidup masyarakat setempat. Keadaan ini akan menggalakkan berlakunya masalah kenakalan oleh remaja dalam masyarakat mereka. Namun demikian, masyarakat, ibu bapa, guru sekolah malah kaunselor sekolah sendiri kurang menyedari terhadap faktor apakah yang betul-betul menyumbang kepada gangguan emosi pelajar remaja di sekitar mereka, dan juga faktor-faktor yang betul-betul menyumbang kepada penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan.

## **1.5 Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap gangguan emosi pelajar, faktor dominan yang mengganggu emosi dan juga tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan tahap gangguan emosi dan juga tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan berdasarkan pembolehubah jantina, etnik, tempat tinggal dan pendapatan ibu bapa.

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat hubungan antara tahap gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan dan melihat apakah pembolehubah punca gangguan emosi yang menjadi penyumbang tertinggi kepada tingkahlaku kenakalan remaja.

## **1.6 Kerangka Konsep Kajian**

Kerangka konsep kajian berpandukan hipotesis yang dibuat oleh Leeper (1970) yang membuat andaian bahawa manusia pada asasnya mengetahui sesuatu peristiwa yang berlaku dan boleh bersikap rasional terhadapnya. Tetapi untuk mencapai tahap rasional ini ianya mestilah mengurangkan elemen-elemen beremosi . Emosi pula terbina dari tindakan stimulasi persekitaran yang berkaitan. Beliau memberi andaian bahawa bila seseorang mendengar singa mengaum, dia akan lari kerana takut.

Kerangka konsep ini diperkemaskan dengan berpandukan kenyataan Dworetzky (1991) bahawa setiap emosi yang wujud adalah hasil dari stimulasi peristiwa-peristiwa tertentu. Beliau telah membuat andaian seseorang yang bertembung dengan seekor beruang, maka perasaan takut akan wujud. Perasaan takut merupakan emosi yang wujud hasil daripada stimulasi peristiwa itu. Kesan dari emosi takut itu menyebabkan orang itu mengambil tindakan lari. Jadi cara seseorang itu bertindak merupakan tindak balas emosi yang wujud ketika itu. (rujuk jadual 1.2)

Jadual 1.2: Tindakbalas emosi

1	2	3
Peristiwa Stimulasi	Emosi	Tindakan
Contoh:		
Melihat beruang	Merasa takut	Lari kerana takut

Sumber: Dworetzky (1991)

Aplikasi teori ini dianggap bersesuaian dengan konsep kajian ini. Setiap tindakan yang dibuat oleh seseorang remaja adalah bergantung kepada sejarah perkembangan remaja itu sendiri dan penglibatannya dalam sesuatu pengalaman yang mana akhirnya pengalaman yang domain akan mempengaruhi tindakan yang berlaku. (Compas & Wagner, 1991).

Dalam kontek kajian, peristiwa stimulasi merupakan pengalaman hidup remaja yang diterjemahkan dalam bentuk emosi. Sekiranya emosi yang negatif wujud, maka kerap kali tindakan yang diambil juga ke arah negatif.

Lazarus, L. (1978) menyatakan secara psikologinya manusia adalah teransang untuk mencari kegembiraan, kesenangan dan juga keseronokan dalam hidup. Sebaliknya, mereka cuba mengelak diri dari berbagai bentuk kepulan, kesedihan, penderitaan, dan juga kekecewaan. Tetapi hakikatnya, manusia kerap kali terperangkap dengan berbagai gangguan emosi yang tidak menyenangkan dan kadangkala amat sukar untuk mencari jalan keluar.

Berbandaran konsep dan pendapat di atas, aplikasi konsep ini kepada kajian yang dibuat adalah seperti berikut:

Jadual 1.3: Contoh konsep kajian


Peristiwa Stimulasi	Kesan Emosi	Tindakan
Contoh:		
Keluarga berpecah	Anak merasa sedih	Lari dari rumah
Anak didera	Marah dan dendam	Mengulangi perbuatan
Gagal peperiksaan	Takut dan bimbang	Bunuh diri
Dibuli rakan senior	Marah dan dendam	Buli pelajar junior
Badan terlalu gemuk	Malu dan murung	Menyinsih diri
Beban kerja sekolah	Tertekan	Ponteng sekolah

Jadual 1.3 menggambarkan bagaimana stimulasi peristiwa yang berlaku akan memberi kesan kepada emosi dan tindakan mereka. Sebagai contoh, sekiranya pelajar yang melalui hidup dalam keluarga yang berpecah, emosi pelajar akan terganggu dan dia menjadi amat sedih. Justru dari peristiwa itu

mereka cuba mengelak dari perasaan sedih dan pilu dengan mengambil tindakan lari dari rumah. Begitu juga dalam kes anak-anak yang didera, mereka akan menjadi geram dan dendam, akhirnya tindakan yang mereka ambil ialah mendera adik atau anak mereka kelak. Pelajar yang gagal dalam peperiksaan kerap kali menjadi kecewa dan bimbang. Kekecewaan yang amat sangat boleh menyebabkan mereka membunuh diri. Pelajar yang pernah mengalami peristiwa dibuli rakan senior akan memendam perasaan marah dan akhirnya mereka akan membuli rakan junior kelak. Pelajar yang terlalu gemuk, berkemungkinan mereka merasa malu dan suka menyisihkan diri dari rakan-rakan.

Oleh itu kerangka konsep kajian ini dapat menunjukkan faktor-faktor yang menyumbang kepada gangguan emosi dan hubungan antara tahap gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan. Keseluruhan kerangka kajian dapat diterangkan dengan merujuk jadual 1.4.

Jadual 1.4 : Konsep Kajian



Jadual 1.4 menerangkan tentang punca gangguan emosi yang dikaji iaitu terdiri dari faktor-faktor berikut; akademik dan sekolah, rakan sebaya, ibu bapa dan keluarga, peribadi, akhlak dan agama dan faktor persekitaran. Semua faktor ini boleh menyumbang kepada tindakbalas emosi samada terganggu atau tidak terganggu. Untuk tujuan kajian, soal selidik direka untuk mengesan emosi terganggu dari faktor-faktor tersebut. Kajian ini juga mengkaji tahap penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan dari faktor-faktor tersebut.

Kajian ini juga direka untuk melihat hubungan antara tahap gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan.

### 1.7 Soalan Kajian

Kajian ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Sejauh manakah tahap gangguan emosi pelajar remaja?
- ii. Apakah faktor dominan yang mengganggu emosi pelajar?
- iii. Sejauh manakah tahap penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan remaja?
- iv. Adakah terdapat perbezaan dari segi tahap gangguan emosi pelajar berdasarkan jantina?
- v. Adakah terdapat perbezaan dari segi tahap gangguan emosi pelajar berdasarkan etnik?
- vi. Adakah terdapat perbezaan dari segi tahap gangguan emosi pelajar berdasarkan tempat tinggal?
- vii. Adakah terdapat perbezaan dari segi tahap gangguan emosi pelajar berdasarkan pendapatan?
- viii. Adakah terdapat perbezaan dari segi tahap gangguan emosi pelajar berdasarkan jantina?
- ix. Adakah terdapat perbezaan dari segi tahap gangguan emosi pelajar berdasarkan etnik?
- x. Adakah terdapat perbezaan dari segi tahap gangguan emosi pelajar berdasarkan tempat tinggal?

- xi. Adakah terdapat perbezaan dari segi tahap gangguan emosi pelajar berdasarkan pendapatan?
- xii. Adakah terdapat kolerasi antara tahap gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan?
- xiii. Apakah pembolehubah punca gangguan emosi yang menjadi penyumbang tertinggi kepada kenakalan remaja?

## **1.8 Hipotesis Kajian**

Hipotesis kajian adalah seperti berikut;

- Ho.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap gangguan emosi antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.
- Ho.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap gangguan emosi antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu.
- Ho.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap gangguan emosi antara pelajar asrama dan pelajar tinggal di rumah.
- Ho.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap gangguan emosi pelajar antara pendapatan rendah, sederhana dan tinggi.
- Ho.5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar perempuan dan pelajar lelaki.

- Ho.6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu.
- Ho.7 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar asrama dan pelajar tinggal di rumah Melayu.
- Ho.8 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pendapatan rendah. Sederhana dan tinggi.
- Ho.9 Tidak terdapat kolerasi yang signifikan antara tahap gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan.
- Ho.10 Semua koefisien regresi bagi faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah dan persekitaran adalah sifar bila disandar dengan kenakalan remaja.

### **1.9 Kepentingan kajian**

Kajian ini akan memberikan pengetahuan mengenai; tahap-tahap gangguan emosi pelajar, faktor dominan yang mengganggu emosi, tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan, perbezaan tahap gangguan emosi dan perbezaan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan berdasarkan pembolehubah jantina, etnik, tempat tinggal dan pendapatan ibu bapa. Kajian ini juga akan dapat memberi pengetahuan mengenai hubungan tahap gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku

kenakalan dan juga punca-punca gangguan emosi yang menyumbang kepada penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan.

Hasil kajian ini juga boleh membantu banyak pihak seperti kaunselor sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pihak sekolah serta semua pihak yang bertanggung jawab dalam usaha untuk menyediakan perancangan dan tindakan bagi menangani masalah emosi pelajar remaja dan juga masalah tingkah laku kenakalan yang kian meningkat di masa kini.

Menyedari bahawa golongan remaja seolah-olah telah dilabelkan sebagai golongan yang menimbulkan masalah pada sekolah dan masyarakat, maka adalah tidak adil bagi ahli masyarakat melihat persoalan ini secara mengeneralisasikan permasalahan mereka. Golongan remaja mengalami proses perkembangan yang berterusan dalam meningkatkan kebolehan dalam bidang intelektual, kemahiran-kemahiran fizikal serta perhubungan sosial dan interpersonal. Matlamat utama tiga bidang perkembangan ini adalah agar setiap individu berkebolehan, berkeyakinan diri dan mampu menghadapi cabaran untuk mencapai kecermerlangan apa yang telah dicita-citakan (Mahmood Nazar, 1992).

Walaupun begitu ada antara pelajar-pelajar ini menghadapi rintangan serta halangan dalam menuju kecermerlangan individu. Menurut Harrock (1976) zaman remaja merupakan masa terakhir bagi seseorang individu itu mencapai pelarasen diri yang baik. Jika mereka tidak diberi tumpuan dan bantuan, akan

ramai lagi remaja yang mengalami salah-suai diri seperti mempunyai perasaan rendah diri, bacul, tidak berinisiatif, mudah tersinggung, cemburu, berprasangka dan pemarah. Segala perasaan ini sebenarnya membawa kepada gangguan emosi mereka.

Secara keseluruhannya kajian tentang remaja dianggap penting kerana masyarakat akan lebih memahami punca-punca gangguan emosi remaja, kehendak dan juga masalah yang mereka hadapi. Dengan itu kita akan mengetahui apa yang upaya dilakukan untuk membantu mereka menjadi orang yang sebaik mungkin (Muhd. Mansur & Siti Noordinar 1988). Bantuan yang diberikan diharap dapat mencorak pembelajaran lebih bermakna kerana program bantuan dan bimbingan yang baik dapat membantu para pelajar berkenaan dalam merealisasikan matlamat menuju ke arah kecemerlangan di bidang akademik dan kehidupan seharian. Melalui ujian 'multiple regression' kajian ini dapat mengenalpasti punca-punca yang menjadi penyumbang tertinggi kenakalan remaja. Jadi maklumat ini amat penting bagi pihak-pihak yang tertentu untuk merealisasikan usaha membendung tingkahlaku kenakalan dalam sekolah dan masyarakat.

#### **1.10 Batasan kajian**

Kajian ini hanyalah ditumpukan kepada punca-punca penyumbang kepada gangguan emosi remaja sekolah yang berada di tahap tingkatan empat di empat buah sekolah menengah di bandar Sentul, Kuala Lumpur sahaja.

Kajian juga terbatas kepada tingkahlaku kenakalan remaja yang terdapat di dalam item-item instrumen kajian. Mungkin juga terdapat tingkahlaku kenakalan remaja yang dilakukan berdasarkan punca-punca lain yang tidak dikaji dalam penyelidikan ini, maka batasan kajian hanyalah kepada punca-punca yang dikaji sahaja. Tumpuan kajian terhadap gangguan emosi remaja juga terbatas kepada faktor-faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah, dan persekitaran. Kemungkinan juga terdapat punca-punca lain yang tidak dikaji merupakan penyumbang kepada gangguan emosi remaja. Limitasi punca yang dikaji juga terhad kepada pembolehubah jantina, etnik, tempat tinggal dan tahap pendapatan.

## **1.11 Definisi Operasional**

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini yang perlu diperjelas supaya bersesuaian dengan tajuk kajian.

### **1.11.1 Remaja sekolah**

Remaja sekolah adalah sebahagian daripada remaja biasa. Dilihat dari kontek umum, mereka tidak berbeza dengan remaja lain. Tetapi oleh sebab terdapat beberapa ciri dan keadaan yang berbeza, mereka ini diberi sedikit pengertian yang berbeza supaya perhatian dan tindakan terhadap mereka dibuat secara berbeza pula. Dalam erti kata lain, remaja sekolah berbeza dengan remaja umum dalam beberapa aspek tertentu:

- Remaja sekolah mempunyai kebebasan yang terkawal. Mereka terpaksa patuh kepada peraturan yang telah ditentukan, umpamanya dalam tatacara berkelakuan dan berpakaian, larangan dan tegahan lebih banyak dikenakan.
- Remaja sekolah mempunyai tugas yang telah ditetapkan, iaitu belajar. Tugas ini mesti dilakukan sama ada secara sukarela atau terpaksa.
- Kegiatan remaja sekolah banyak dipandu.

Remaja sekolah yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pelajar di tingkatan empat dalam pelbagai aliran di sekolah menengah dalam Zon Sentul, Kuala Lumpur.

### **1.11.2 Kenakalan Remaja (Delinkuen)**

Istilah jenayah delinkuen merujuk kepada keganasan dari segi undang-undang juvinil. Ianya dikenakan kepada remaja berumur 18 tahun ke bawah. Istilah undang-undang ‘Juvenile Delinquent’ telah diterima pakai sebagai remaja yang melanggar undang-undang, tetapi terpaksa dilindungi dari direkod sebagai penjenayah dan juga untuk memisahkan orang-orang bawah umur dan dilayan berbeza dengan penjenayah dewasa. Kebanyakan remaja yang dicaj dalam mahkamah juvinil akan dihantar ke sekolah pemulihan akhlak. Hanya mahkamah yang mempunyai kuasa dan memerintahkan seseorang budak yang

bersalah itu untuk dimasukkan ke mana-mana sekolah ini. Tanpa arahan dari mahkamah, sekolah ini tidak berhak untuk menerima mereka. Terdapat tiga kategori kemasukan yang dikenal pasti setakat ini.

- a. Mereka yang melanggar undang-undang jenayah, seksyen 12,1.(f) Akta Perlembagaan Malaysia.
- b. Mereka yang memerlukan jagaan dan perlindungan, iaitu menurut seksyen 36 Akta 90 Perlembagaan Malaysia.
- c. Mereka yang tidak terkawal oleh ibu bapa atau penjaga, seksyen 37, Akta 90 Perlembagaan Malaysia.

#### **1.11.3 Tingkah laku devians**

Tingkah laku devians bermaksud orang yang tidak mengikuti peraturan atau perlakuan seperti mana yang dikehendaki oleh kebiasaan masyarakat atau tingkah laku di luar norma-norma yang diingini oleh masyarakat di mana individu itu tinggal. Mc CaGhy (1985) menyatakan sebagai tingkah laku yang tidak diterima oleh ekspektasi sosial. Manakala Lemert (1972) menyatakan tingkah laku devian sebagai perlanggaran norma-norma masyarakat atau terlepas dari ekspektasi sosial.

Ahli sosiologi pula merujuk istilah devian sebagai sekumpulan kecil manusia atau kurang dari separuh jumlah penduduk yang terpisah dari perlakuan atau tingkah laku yang dikehendaki atau yang yang dijangkakan dalam masyarakat tersebut. Sesetengah ahli sosiologi menganggap juga devian

sebagai melanggar peraturan-peraturan. Goffman (1963) mengistilahkan devians sebagai 'stigma'. Davis (1961) pula menyatakan devian termasuklah stigma perkauman, golongan radikal seperti komunis, penjenayah, cacat anggota, pesakit mental, homoseksual dan banyak lagi. Cohen (1973) menafsirkan devian sebagai segala yang berkaitan dengan jenayah seperti penipuan, pecah amanah dan juga jenayah-jenayah berat yang menggunakan kekerasan.

#### **1.11.4 Akhlak**

Kamus Dewan (1989) mendefinisikan akhlak sebagai budi pekerti, kelakuan, watak, pengetahuan berkaitan dengan kelakuan, tingkahlaku manusia dan sebagainya samada baik atau jahat.

Mustafa Daud (1991) pula mendefinisikan akhlak sebagai gambaran hati yang melahirkan gerak geri, tingkahlaku dan tata tertib dalam pergaulan seseorang atau membawa erti tabiat atau perangai.

#### **1.11.5 Masalah Disiplin Sekolah**

Masalah disiplin sekolah dalam kontek kajian didefinisikan sebagai sebarang tingkahlaku yang melanggar peraturan dan disiplin sekolah. Senarai tingkahlaku yang melanggar peraturan dan disiplin sekolah adalah merujuk

kepada lapan kategori kesalahan tingkahlaku yang dikeluarkan oleh Bahagian Sekolah Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (1990) seperti; tingkahlaku jenayah, tingkahlaku luah, kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan dan biadap, tingkahlaku musnah, tingkahlaku tidak jujur dan menipu dan tingkahlaku ponteng sekolah.

#### **1.11.5.1 Tingkahlaku Jenayah**

Terdapat beberapa tingkahlaku yang disenaraikan sebagai tingkahlaku jenayah terhadap pelajar sekolah, antaranya ialah berjudi dan mencuri, tingkahlaku melawan, mengancam atau memukul guru atau pengawas. Tingkahlaku memeras ugut, membuli, menganggotai kumpulan haram atau kongsi gelap. Kesalahan lain yang dikategorikan sebagai jenayah seperti menyalah guna dadah, membawa senjata merbahaya, mencabul kehormatan, mengancam dan memukul murid lain, menceroboh bilik larangan, mengedar dadah, menunjuk perasaan dan juga bertaruh secara besar-besaran.

#### **1.11.5.2 Tingkahlaku Luah**

Kesalahan yang dikategorikan sebagai tingkahlaku luah seperti bercumbu-cumbuan, berkhalwat, membawa bahan-bahan luah ke sekolah, mengintai murid-murid perempuan, menggunakan kata dan perbuatan luah dan melukis serta menulis kata-kata dan gambar-gambar luah.

#### **1.11.5.3 Kekemasan Diri**

Kesalahan yang dikaitkan dengan kekemasan diri seperti berambut panjang dan fesyen rambut keterlaluan, berkuku panjang, bermisai dan berjanggut, memakai pakaian tidak mengikut peraturan atau memakai barang-barang perhiasan yang dilarang ke sekolah

#### **1.11.5.4 Tingkah laku tidak mementing masa**

Tingkah laku yang berkaitan dengan masa seperti berkeliaran di kawasan sekolah, datang lewat ke sekolah, lewat ke perhimpunan, makan di kantin di luar waktu rehat dan lewat pulang ke asrama.

#### **1.11.5.5 Tingkah laku kurang sopan dan biadap**

Tingkah laku yang berkaitan dengan sikap kurang sopan dan biadap seperti berkelakuan kasar terhadap guru, berkelakuan kasar terhadap pengawas, berkelakuan kasar terhadap murid lain, berbahasa kesat menyimpan rokok, menghisap rokok, mengganggu pengajaran dan pembelajaran, tidak hormati guru dan juga pengawas.

#### **1.11.5.6 Tingkahlaku musnah**

Tingkahlaku musnah merujuk kepada kelakuan seperti merosakkan harta benda sekolah, harta benda pengetua dan guru, merosakkan harta benda kantin sekolah, merosakkan harta benda murid dan merosakkan harta benda asrama.

#### **1.11.5.7 Tingkahlaku tidak jujur / menipu**

Tingkahlaku tidak jujur atau menipu dalam kontek kajian ini merujuk kepada sikap tidak jujur dan menipu yang melibatkan wang dan juga yang berkaitan dengan kepercayaan.

#### **1.11.5.8 Ponteng**

Istilah ponteng yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada tingkahlaku berikut; iaitu ponteng kelas, ponteng sekolah, ponteng perhimpunan, ponteng kegiatan luar bilik darjah dan ponteng ujian.

#### **1.11.6 Emosi**

Emosi merupakan suatu perasaan yang wujud hasil dari pengalaman yang disedari atau tersembunyi yang berkaitan dengan peristiwa yang berlaku (Dworetzky, 1991). Emosi merangkumi semua perasaan yang wujud seperti bimbang, tertekan, gembira, takut, marah, sedih, kecewa dan lain-lain.

Kewujudan emosi bergantung kepada sejarah perkembangan remaja itu sendiri dan penglibatannya dalam sesuatu pengalaman yang mana akhirnya emosi yang dominan akan mempengaruhi tindakan yang berlaku. (Compas & Wagner, 1991).

#### **1.11.7 Gangguan Emosi**

Gangguan emosi yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah ialah segala bentuk emosi yang berkaitan dengan kebimbangan, tekanan, takut, marah, . . . sedih dan apa jua emosi yang menyebabkan seseorang itu tidak gembira dan tidak selesa.

#### **1.11.8 Kebimbangan**

Kebimbangan menurut definisi Lewis (1970) sebagai satu keadaan emosi. Kebimbangan ialah suatu keadaan yang merujuk kepada perasaan yang

tidak menyenangkan seseorang. Perasaan ini wujud kerana mempunyai kaitan dengan pengalaman lampau dari peristiwa yang berlaku seperti keadaan yang menggerunkan, mengerikan, menyeramkan atau memeranjatkan. Hasil dari pengalaman itu individu itu akan bertindak untuk mencegah dari berulang peristiwa-peristiwa yang menakutkan yang pernah dirasainya. Perasaan ini akan mewujudkan keimbangan sehingga membawa kepada perubahan di dalam diri individu itu yang boleh menyebabkan penyakit fizikal (Spielberger & Guerrero, 1976)

#### **1.11.9      Tekanan /stress**

Times Lingua Dictionary (1992) mendefinisikan 'stress' atau tekanan sebagai perasaan bimbang atau risau yang dialami oleh seseorang yang berpunca dari sesuatu peristiwa berlaku dalam kehidupan. Manakala Times Chambers Combine Dictionary Thesaurus (1995) mendefinisikan stress atau tekanan sebagai reaksi seseorang samada dari segi fizikal atau emosi atau kedua-duanya yang boleh menyebabkan gangguan kepada kesihatan fizikal.

#### **1.11.10     Takut**

Rachman (1974) menerangkan takut ditafsirkan dalam psikologi modern sebagai salah satu dari ciri emosi manusia biasa. Takut boleh terjadi secara fizikal atau psikologi atau kedua-duanya sekali. Bentuk fizikal misalnya

kecederaan pada anggota badan oleh sesuatu sebab. Secara psikologinya takut timbul disebabkan kegagalan, tersingkir dan sebagainya yang melibatkan kehilangan keyakinan diri kerana wujud keadaan yang membahayakan individu berkenaan secara fizikal atau psikologi. Takut juga boleh wujud bersama perasaan sedih, marah atau benci.

#### **1.11.11 Marah**

Emosi yang paling bayaha. Bila marah seseorang itu boleh menyakiti orang lain. Perasaan marah timbul oleh beberapa sebab. Misalnya perasaan kecewa, ancaman fizikal, disakiti hati secara psikologi dan dimalukan. Bentuk muka yang marah dapat digambarkan dengankening biasanya direndahkan dan dirapatkan. Kelopak mata tegang. Mata merenung tajam. Bibir samada tertekan rapat atau terbuka dalam bentuk segiempat (Manja Mohd. Ludin, 1990).

Roberta dan Virginia (1997) menyatakan emosi marah kerap kali bersama dengan sikap agresif. Marah adalah pengalaman yang subjektif dan ianya yang mendorong kepada berbagai bentuk sikap agresif. Averil (1983) membuat pernyataan bahawa agresif adalah satu jenis tindakan di mana marah atau sikap beremosialah yang menjadi puncanya.

#### **1.11.12      Sedih**

Kesedihan biasanya dialami secara senyap dan mungkin mengambil masa untuk mengatasinya. Kesedihan boleh disebabkan kehilangan sesuatu yang berharga, kecewa dan putus harapan. Kesedihan dikaitkan dengan berbagai-bagai bentuk penderitaan.

#### **1.11.13      Emosi Tidak terganggu**

Emosi Tidak Terganggu atau emosi stabil pula merujuk kepada emosi yang diterima oleh seseorang seperti emosi gembira, puas dan selesa. Manusia merupakan suatu yang subjektif, dikelaskan secara konseptualnya mempunyai tiga perkembangan iaitu kesan positif, kesan negatif dan kepuasan hidup. Manakala Diener dan Emmons (1985) menafsirkan manusia yang subjektif sebagai satu komponen untuk mencari kegembiraan, mengharapkan kehadiran seseorang yang menghargai mereka dan penglibatan kognitif iaitu kepuasan hidup dan kesannya (perasaan selesa atau tidak). Powel (1989) dalam kajiannya menganggarkan hanya 10 peratus hingga 15 peratus sahaja rakyat Amerika Syarikat yang betul-betul gembira. Dalam kajian mereka mendapati rakyat Amerika Syarikat yang secara purata gembira menunjukkan 80 peratus rakyat Amerika Syarikat gembira.

#### **1.11.14 Penerimaan rakan sebaya**

Penerimaan rakan sebaya merujuk kepada hubungan kanak-kanak dengan kumpulan rakan-rakan sebaya dalam bentuk sentimen ahli-ahli kumpulan seperti (suka lawan tidak suka) terhadap kanak-kanak dan darjah dimana sentimen ini dipersetujui (Ladd 1987).

#### **1.11.15 Mangsa Rakan sebaya**

Merujuk kepada bentuk persahabatan yang mana kanak-kanak kerap kali menjadi sasaran percakapan, ejekan atau fizikal agresif atau pun dalam bentuk penderaan (Ladd, 1997)

#### **1.11.16 Tahap Pendapatan**

Di Malaysia jenis pekerjaan dan tahap pendidikan bapa atau ibu (mananya yang lebih tinggi) adalah indeks yang lebih sesuai untuk menentukan status ekonomi keluarga berkenaan (Ng, 1991; Nordin Selat, 1976). Pandangan ini juga bersamaan dengan pendapat ahli sosiologi barat seperti, Urry (1981) dan Johnson (1985). Namun demikian indeks pendapatan ketua keluarga diambil kira dalam menentukan atau menggolongkan seseorang itu dalam kelas sosioekonomi ibu atau bapa yang mana lebih tinggi bagi tujuan kajian ini.

Kesimpulannya, setiap istilah yang digunakan dalam kajian ini mempunyai pengertian yang sama dengan istilah atau teori-teori yang digunakan dalam rujukan-rujukan teks atau dalam jurnal-jurnal kaunseling. Oleh itu istilah yang diterima pakai dalam kajian ini tidaklah membawa maksud yang bertentangan atau pun sukar difahami oleh orang lain.